

**PENGURUSAN KEBAJIKAN ANAK YATIM DI  
PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK YATIM  
MALAYSIA (PEYATIM) : KAJIAN MENURUT  
PERSPEKTIF AL-QURAN**

**HANIDA BINTI ABDULL SAMAT**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2003**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511430516

**PENGURUSAN KEBAJIKAN ANAK YATIM DI  
PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK YATIM  
MALAYSIA (PEYATIM) : KAJIAN MENURUT  
PERSPEKTIF AL-QURAN**

**HANIDA BINTI ABDULL SAMAT**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2003**

## ABSTRAK

HANIDA BINTI ABDULL SAMAT. Pengurusan Kebajikan Anak Yatim di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) : Kajian Menurut Perspektif al-Quran. Disertasi, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 2003.

Kajian ini mengandungi lima bab dimulai dengan Bab Pendahuluan; mengandungi pengenalan ringkas terhadap kajian dengan menghuraikan pengertian tajuk, tujuan dan metodologi penyelidikan, hipotesis dan skop kajian. Bab I mengandungi huraian tentang kedudukan anak yatim pada zaman Jahiliah, anak yatim di dalam al-Quran dan al-Hadith, anak yatim pada zaman Rasulullah s.a.w. dan perbezaan antara anak yatim dengan bukan yatim. Bab II, huraian tentang pengurusan anak yatim di dalam al-Quran, ayat-ayat yang berkaitan dengan anak yatim dan tafsirannya merangkumi penjelasan mengenai *sabab al-Nuzūl ayat*, *munāsabah* ayat dan huraian ayat berpandukan kitab tafsir yang muktabar. Bab III, mengandungi laporan penyelidikan tentang pengurusan kebajikan anak yatim di PEYATIM, latar belakang penubuhan PEYATIM, biro-bironya, aktiviti serta permasalahan yang dihadapi oleh PEYATIM dalam menjaga kebajikan anak yatim di Malaysia. Bab IV, analisis tentang aktiviti PEYATIM menurut perspektif al-Quran. Bab V, mengandungi kesimpulan dan saranan.

Pada dasarnya pengurusan kebajikan anak yatim yang dijalankan oleh PEYATIM adalah bertepatan dengan al-Quran. Namunpun begitu masih terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak pengurusan PEYATIM demi memastikan agar segala amalan yang dilakukan secara sukarela ini tidak menyalahi tuntutan al-Quran. Antaranya ialah dengan cara mendidik para penghuni asrama Ahli Gabungan agar memiliki akhlak Islamiah dengan menjauhkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, mengenakan pakaian yang menutup aurat secara sempurna, mengamalkan disiplin yang tinggi dan lain-lain lagi.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penulis merumuskan bahawa PEYATIM telah memainkan peranan penting dalam memastikan kebajikan anak yatim terus terjamin dengan menggerakkan Ahli-ahli Gabungannya untuk mewujudkan satu sistem pengurusan yang bersistematik dan dengan itu, segala perancangan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kajian ini juga mendapati bahawa PEYATIM mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kerajaan, swasta dan individu dalam menyalurkan segala bentuk bantuan yang diperlukan oleh PEYATIM dan ini membuka lembaran baru dalam pengurusan kebajikan anak yatim di Malaysia.

## ABSTRACT

HANIDA ABDULL SAMAT. Orphanage Welfare Management by Orphans Welfare Association Of Malaysia (PEYATIM) : An Analysis From The Perspective of al-Quran. Dissertation, Kuala Lumpur : University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 2003.

There are five chapters started with the introduction, that consists short explanation on the title, aims, methodologies, hypothesis, and scope of the research, Chapter I, covers discussion on perception of orphans during the pre-Islamic era, laws and stories as far as orphan are concerned in al-Quran and al-Hadith, the orphans' status under Rasulullah s.a.w. period and who orphans really are as compared to those who are not. Chapter II, describes ways of managing orphans as guided by al-Quran as well as translation in term of reasons, logics and explanations of the extracts from al-Quran that covers the story of orphans, as based on highly reliable and respected translation script. Chapter III, consists reports on methods applied by PEYATIM in managing orphanage, history behind the founding of PEYATIM, bureaus available, activities run as well as future. Chapter IV, bring into views analysis, discussion and comments of PEYATIM's role and activities as referred to al-Quran perspective. The last topic, Chapter V, highlights conclusions and proposals that can be adopted by PEYATIM in upgrading its activities and contributions.

In general, PEYATIM has been managing the orphanage welfare as outlined by the Quran. Despite their current efforts, the PEYATIM's management team needs to pay more attention in certain aspects, to ensure that their voluntary work is pure in accordance to the guidelines by the Quran. They need to educate the hostel residents of the joined members to develop Islamic attitude such as avoiding free mixing between different genders, portraying Islamic teachings as a whole through their attires and activities and implementing Islamic based disciplines in their daily routines.

Based on the research conducted, the writer believes that PEYATIM has been playing an important role in giving orphans more chances towards improving their future lives. It achieved this stage by motivating its members to work collectively in forming well-organized procedures of managing orphans' welfare. Due to this systematic and well management system, all plans can be turned into reality with perfection.

This research also found that PEYATIM has been attracting governments, privates and individuals in helping, donating and contributing resources as well as funds that are needed in order to operate smoothly and open a new perspective and be more effective in managing orphans' welfare in Malaysia.

## ملخص البحث

هانيدا بنت عبد الصمد : "إدارة خيرات الأيتام في منظمة لخيرات الأيتام ماليزيا (فياتيم) :

البحث في نظر القرآن" , كوالا لمبور: جامعة ملايا كوالا لمبور, ماليزيا, ٢٠٠٣.

يبدأ البحث بمقدماته وهي تمهيد البحث وتعريف الموضوع وهدف البحث ومنهجه

وافترضاته. أما الفصل الأول فهو عبارة عن شأن الأيتام في زمن الجاهلية والبيان عن

مكانتهم كما في القرآن والسنة. والفصل الثاني يوضح إدارة خيرات الأيتام كما وردها

القرآن الكريم مفسرا بالكتب التفسير المعتبرة. ويتضمن الفصل الثالث نشأة "فياتيم"

وهيئتها الإدارية وأنشطتها والمشكلات التي تواجهها. والفصل الرابع يتحدث عن مدى

شرعية الأنشطة التي أقامتها "فياتيم" في نظر القرآن. ويتضمن الفصل الخامس خلاصة

البحث والاقتراحات إلى من يهمه الأمر في شأن إدارة الأيتام.

ووجد البحث أن إدارة الخيرات للأيتام في "فياتيم" مطبقا بتعاليم الإسلام. ومع ذلك

هناك بعض الأمور التي تمكن مراعاتها منها الامتثال بالأخلاق الإسلامية وتجنب الاختلاط بين

الرجال والنساء وستر العورة.

والخلاصة أن "فياتيم" قد لعبت دورا هاما في تحريك أعضائها بإنجاح الإدارة المنظمة وذلك

لتحقيق جميع الخطة المرسومة. ووجد البحث أيضا أن "فياتيم" دعمتها الحكومة والقطار

الخاص والشخصيات المعنية من كل جوانب المساعدات. وبذلك قد فتحت الصورة الجديدة

لإدارة خيرات الأيتام في ماليزيا.



## DEDIKASI

*Pada Mu Nabi Tinggi Kesyukuran Kujanjikan atas limpah dan kurnia Mu*

*Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi s.a.w.*

*Ku Abadikan Setulus Kasih Buat Suami Terindah Ahmad Fauzi Ihsuin*

*Segala Pengorbanan Dan Sokonganmu Amat Kuhargai*

*Penyujuk Mala Ummi Anak-anak Terayang*

*Ahmad Huzafah, Abdullah Huzafah, Afaf Husna ...*

*Moga Kalian Membesar Menjadi Insan Bertaqwa*

*Bonda Yang Dibasahi, Doa dan Restumu Amat Kuharapkan*

*Abah Yang Telah Pergi Menyahuti Panggilan Nabi*

*Lanya Allah Yang Dapat Membalas Pengorbananmu Terhadap Diri ini*

*Yang Sentiasa Memberi Perangsang Untukku Terus Mencari Ilmu*

*Semoga Roh Abah Tenang di Sana ...*

*Buat Ayahanda dan Bonda di Sabak Bernam*

*Moga Sejahtera Dalam Akhir Kepada-Nya*

*Abang, Kakak dan Adik-adikku...Ku Sanjungsi Jasamu KepadaKu*

*Juga Buat Sahabat Seperjuangan,*

*Moga Utkuwah Fillah Yang Kita Jalinkan*

*Akan Terus Mekar Dengan Rahmat Nabi*

*Ahkir Kalam Terima Kasih Atas Segala Sumbangsih*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya milik Allah s.w.t. yang mentadbirkan seluruh alam ini, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. , keluarga baginda, para sahabat r.a., tabi'in dan semua orang yang beriman .

Setinggi-tinggi kesyukuran penulis panjatkan ke hadrat Ilahi kerana telah mengurniakan keizinan dan InayahNya kepada penulis sehingga disertasi ini dapat disiapkan meskipun terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan dan cabaran. Disertasi bertajuk : “Pengurusan Kebajikan Anak Yatim di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) : Kajian Menurut Perspektif al-Quran”, tidak mungkin dapat disiapkan tanpa bantuan dan kerjasama daripada beberapa pihak yang tertentu. Justeru itu, penulis mengambil kesempatan di ruangan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak-pihak yang terbabit (secara langsung ataupun tidak langsung) dalam menjayakan penulisan disertasi ini sama ada sumbangan dalam bentuk teguran, nasihat, bimbingan, bahan rujukan, kewangan dan sebagainya.

Di ruangan ini, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada yang dihormati Ustaz Abdul Rashid b. Ahmad selaku penyelia disertasi ini yang sanggup meluangkan masa untuk memberikan tunjuk ajar, bimbingan, pertolongan galakan serta segala bantuan kepada penulis dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Hanya Allah s.w.t. sahaja yang dapat membalas segala jasa baik beliau.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya terutama kepada Ketua Jabatan dan kakitangan Jabatan al-Quran dan al-Hadith kerana memberikan kemudahan-kemudahan serta bimbingan sehingga penulisan disertasi ini dapat dilakukan dengan lancar.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih ditujukan kepada kakitangan Bahagian Ijazah Tinggi dan Pentadbiran Universiti Malaya terutamanya buat Puan Noriah Mat Salleh di Pejabat Am yang telah memberikan kerjasama dan layanan yang baik kepada penulis.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada responden-responden yang terlibat secara langsung bagi menjayakan disertasi ini. Mereka terdiri daripada Tuan Haji Ahmad bin Sulaiman Setiausaha Agung PEYATIM, Tuan Hj. Mansor bin Daud Setiausaha Kerja PEYATIM, dan Cik Adlina bt. Badarudin Eksekutif Perhubungan Awam PEYATIM yang telah banyak membantu penulis mendapatkan maklumat tentang PEYATIM, PEYATIM Holding Sdn. Bhd. dan anak syarikatnya. Tanpa kerjasama yang baik, penulis akan berhadapan dengan masalah mendapatkan maklumat kerana kebanyakan dokumennya adalah dalam bentuk fail dan laporan. Hanya sedikit sahaja maklumat yang diterbitkan untuk umum.

Juga kepada Tuan Haji Misban Bin Katiran warden asrama Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Daerah Sabak Bernam, Puan Rosnah bt. Razali kerani asrama Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Daerah Sabak Bernam yang telah membantu penulis memberikan maklumat berkaitan penulisan ilmiah ini. Tanpa

kerjasama dan maklumat dari semua pihak berkenaan, pastilah disertasi ini tidak dapat disiapkan dengan sebaik mungkin. Tidak lupa juga, sekalung budi penulis tujukan kepada Cik Suriani bt. Hashim yang membantu penulis di dalam penulisan abstrak berbahasa Inggeris.

Penghargaan khas penulis rakamkan buat suami tercinta Ahmad Fauzi bin Asmuin yang telah banyak membantu penulis dalam menghadapi segala masalah, di samping sentiasa memberi dorongan, semangat dan doa walaupun berhadapan dengan kesibukan tugasnya. Segala pengorbanan dan dorongan yang diberikan akan penulis kenang untuk selama-lamanya..

Penghargaan ini juga ditujukan buat Allahyarham Ayahanda Abdull Samat yang menjadi pendorong dan memberi semangat kepada penulis untuk terus menuntut ilmu, bonda Hamidah di Penaga yang tabah mengharungi hidup membesarkan anak-anak setelah pemergian ayahanda ke Rahmatullah, ayahanda dan bonda mertua di Sabak Bernam, dan adik-adik (Zah, Azah, Lie, Nah, Anis, Tikah, Zaid dan Din) yang menjadi sumber inspirasi penulis. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Kak Cik Zaharah di KISDAR yang telah memberi semangat dan dorongan kepada penulis untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, Kak Cik dan Ijan yang membantu menjaga anak-anak penulis, kak Mie kak Su, kak Siti, Midah, kak Mi'ah, kak Noriah, kak Ja'ah, Kak Sap, Kak Uji, kak Azah, Ina dan teman-teman seperjuangan yang lain yang turut membantu menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga sekalung budi kepada Puan Harsa Afina yang bertugas di bilik komputer SAMDE yang turut membantu meringankan kerja-kerja penulis.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Perpustakaan Awam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atas segala khidmat baik yang telah diberikan.

Ucapan penghargaan ini ditujukan kepada seluruh individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan. Semoga semuanya akan mendapat ganjaran berlipat ganda daripada Allah s.w.t.

Akhirnya, kemaafan dipohonkan atas segala kekurangan yang terdapat dalam disertasi ini. Semoga disertasi ini akan memberi manfaat seluruh umat Islam terutamanya bagi pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan kebajikan anak yatim di Malaysia.

## KAEDAH TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan di dalam disertasi ini berdasarkan ejaan baru Bahasa Melayu. <sup>1</sup> Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan kepada sistem transliterasi <sup>2</sup> seperti berikut :

- i) Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan “ه” (*Tā' Marbū'ah*) dieja mengikut sebutan “h” (h).
- ii) Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh :  
*Sur'ah* (سورة)
- iii) Alif Lam ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lām Syamsiyyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. “a” dalam “al” tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
- iv) Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Malaysia. Semua perkataan Arab/Inggeris (Bahasa Asing) *diitalickan* kecuali nama khas.

---

<sup>1</sup> Hajah Noresah binti Baharum *et. al* (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan

<sup>2</sup> Prof. Madya Dr. Ab. Mu'min Ab. Ghani *et. al* (2001), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 34-35

## 1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ء, ا	a, ' (Hamzah)	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	ه	h
س	s	و	w
ش	sy	ي	y
ص	ṣ	ة	h
ض	ḍ		

## 2. Vokal

Panjang	Pendek	Diftong
ا : ā	_____ (fathah) a	اَو : aw
و : ū	_____ (dammah) u	اَي : ay
ي : ī	_____ (kasrah) i	ي : iy/ī
		و : uww

Manakala terjemahan ayat-ayat al-Quran di dalam disertasi ini adalah berpandukan kepada Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, Edisi Jawi (1996), c. 13, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

## SENARAI KEPENDEKAN

ANGKASA	: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
ATM.	: Angkatan Tentera Malaysia
BAKIP	: Badan Khidmat Islam Perak
BAKTI	: Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan
Bil.	: Bilangan
BPM	: Bank Pertanian Malaysia
ed.	: edit
et.al	: dan kawan-kawan
H	: Hijrah
h.	: halaman
Hj.	: Haji
HPSB	: Hartanah PEYATIM Sdn. Bhd.
HUSM	: Hospital Universiti Sains Malaysia
ibid	: Pada tempat yang sama
IKS	: Industri Kecil dan Sederhana
IPTA	: Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	: Institusi Pengajian Tinggi Swasta
j.	: Jilid/Juz
JAKIM	: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKM	: Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPA	: Jabatan Perkhidmatan Awam
KAFA	: Kelas al-Quran dan Fadhu 'Ain
KTB	: Kolej Teknologi Bestari



KUSTEM	: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
LAN	: Lembaga Akreditasi Negara
M	: Masihi
MAIS	: Majlis Agama Islam Selangor
No.	: Nombor
Op. cit.	: dalam rujukan yang telah diterangkan
PBSB	: PEYATIM Bestari Sdn. Bhd.
PERKAYA	: Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Terengganu
PERODUA	: Perusahaan Otomobil Kedua
PEYAKIN	: Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin
PEYATIM	: Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Malaysia
PHSB	: PEYATIM Holding Sdn. Bhd.
PISB	: PEYATIM Industri Sdn. Bhd.
PKAYI	: Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam
PKNS	: Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
PMR	: Penilaian Menengah Rendah
PNSB	: PEYATIM Niaga Sdn. Bhd.
PROTON	: Perusahaan Otomobil Nasional
PROTON	: Perusahaan Otomobil Nasional
R&D	: Research and Development
r.a.	: Raḍiya Llāh ‘anhu/ ‘anhum
s.a.w.	: Ṣalla Llāhu ‘alayhi wa Sallam
s.w.t.	: Subḥānahu wa Ta‘ālā
Sdn. Bhd.	: Sendirian Berhad
SJMC	: Subang Jaya Medical Centre

SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
SUKYA	: Sukan PEYATIM
t.c	: tanpa cetakan
t.h	: tanpa halaman
t.p	: tanpa pengarang
t.t	: tanpa tarikh
Terj.	: terjemahan
TNB	: Tenaga Nasional Berhad
UiTM	: Universiti Teknologi MARA
UM	: Universiti Malaya
UNITAR	: Universiti Tun Abdul Razak
UPM	: Universiti Putra Malaysia
UPSR	: Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USM	: Universiti Sains Malaysia
UTM	: Universiti Teknologi Malaysia
UUM	: Universiti Utara Malaysia
Y.A.B.	: Yang Amat Berhormat
Y.B.	: Yang Berhormat
Y.M.	: Yang Mulia
YADIM	: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
Ybhg.	: Yang Berbahagia
YPJ	: Yayasan Pelajaran Johor

## SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Senarai Nama dan Alamat Ahli Gabungan PEYATIM
- Lampiran B : Gambar Wisma PEYATIM
- Lampiran C : Gambar Asrama Penginapan
- Lampiran D : Senarai Nama Ahli Jawatankuasa Pusat PEYATIM  
Penggal 2001-2003
- Lampiran E : Borang Permohonan Sahabat PEYATIM
- Lampiran F : Senarai Nama Penghuni PKAYI Daerah Sabak Bernam  
2002
- Lampiran G : Borang Ahli PKAYI Daerah Sabak Bernam
- Lampiran H : Borang Permohonan Masuk Asrama
- Lampiran I : Borang Rawatan Kesihatan
- Lampiran J : Tarikh dan Tempat Majlis Tilawah al-Quran
- Lampiran K : Skim Derma Wakaf Batu Bata
- Lampiran L : Maklumat Korporat PHSB
- Lampiran M : Struktur Korporat PHSB dan Pemegang Saham PHSB
- Lampiran N : Ahli Lembaga Pengarah PHSB
- Lampiran O : Senarai Harga Barangan Produk PNSB
- Lampiran P : Gambar Kampus Sementara KTB
- Lampiran Q : Pelan Kampus Tetap KTB dan Gambar Tapak Kampus  
Tetap
- Lampiran R : Keratan Akhbar Utusan Malaysia
- Lampiran S : Borang Derma dan Resit Pengecualian daripada Cukai  
Pendapatan

**DAFTAR ISI****HALAMAN****KULIT HADAPAN****MUKA DEPAN****HALAMAN JUDUL****ABSTRAK**

ii

**ABSTRACT**

vi

***MULAKHKHAŞ AL-BAĦTH***

vi

**DEDIKASI**

viii

**PENGHARGAAN**

ix

**KAEDAH TRANSLITERASI**

xiii

**SENARAI KEPENDEKAN**

xv

**SENARAI LAMPIRAN**

xviii

**DAFTAR ISI**

xix

**PENDAHULUAN**

Pengenalan

1

Latar Belakang Masalah Kajian

2

Kenyataan Tentang Masalah Kajian

3

Objektif Kajian

3

Hipotesis Kajian

4

Kepentingan Kajian

5

Skop Kajian

6

Huraian Istilah	7
Sistematika Penulisan	13
Metodologi Penyelidikan	15

## BAB I

### KEDUDUKAN ANAK YATIM DALAM ISLAM

#### Pendahuluan

1.1 Maksud Anak Secara Umum	18
1.2 Penggunaan Perkataan Anak Di Dalam al-Quran	19
1.3 Definisi Anak Yatim	22
1.4 Kedudukan Anak Yatim Pada Zaman Jahiliah	23
1.5 Anak Yatim Dalam Islam	25
1.6 Kedudukan Anak Yatim Di Dalam al-Quran dan al-Ḥadīth	32
1.6.1 Ayat-ayat Al-Quran Berkaitan Anak Yatim	32
1.6.2 Anak Yatim Di Dalam Al-Ḥadīth	34
1.7 Perbezaan Antara Anak Yatim Dengan Bukan Yatim	36
1.8 Penentuan Had Umur Yatim	41
1.9 Perwalian Ke Atas Diri Anak Yatim	44
1.10 Hak-hak Anak Yatim	46
a. Hak Berbentuk Material	46
b. Hak Berbentuk Spiritual	48
i. Sabitan Kebapaan ( <i>Thubūt al-Nasab</i> )	48
ii. Kasih Sayang	49
iii. Penyusunan	49

iv.	<i>al-Haḍānah</i>	52
v.	Pendidikan	60

Kesimpulan

## BAB II

### PENGURUSAN ANAK YATIM DI DALAM AL-QURAN

Pendahuluan

2.1	Ayat-ayat Yang Berkaitan Dengan Harta Anak Yatim	69
2.1.1	Arahan Menyerahkan Harta Anak Yatim Bila Tiba Masanya	69
2.1.2	Arahan Supaya Menguji Anak Yatim Sebelum Penyerahan Harta	73
2.1.3	Ancaman Terhadap Golongan Yang Memakan Harta Anak Yatim	90
2.1.4	Hak Anak Yatim Dalam Harta Peninggalan	96
2.2	Ayat-ayat Yang Berkaitan Dengan Anak Yatim Perempuan	99
2.2.1	Mengahwini Anak Yatim Perempuan Dengan Tujuan Untuk Menguasai Hartanya	99
2.2.2	Poligami Menurut Perspektif al-Quran	101
2.2.3	Kewajipan Memberikan Mahar	108
2.3	Ayat-ayat Yang Berkaitan Dengan Infak Harta Kepada Anak Yatim	109
2.4	Ayat-ayat Yang Berkaitan Dengan Melakukan Ihsan Terhadap Anak Yatim	112
2.5	Ayat-ayat Yang Berkaitan Dengan Memuliakan Anak Yatim	118

Kesimpulan

## BAB III

### PENGURUSAN KEBAJIKAN ANAK YATIM DI PEYATIM

#### Pendahuluan

3.1	Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Malaysia (PEYATIM)	127
3.1.1	Latar Belakang Penubuhan PEYATIM	127
3.1.2	Matlamat Penubuhan PEYATIM	130
3.1.3	Tugas-tugas PEYATIM	131
3.1.4	Struktur Organisasi PEYATIM	133
3.1.5	Biro-biro PEYATIM	133
a.	Biro Kewangan Dan Pelaburan	134
b.	Biro Sukan	136
c.	Biro Penerangan	138
d.	Biro Asrama Dan Kebajikan	140
3.1.6	Keahlian PEYATIM	143
a.	Ahli Biasa	143
b.	Ahli Bersekutu	143
c.	Ahli Kehormat	146
3.2	Kajian Terhadap Ahli Gabungan PEYATIM : Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Daerah Sabak Bernam	147
3.2.1	Latar Belakang Penubuhan	147
3.2.2	Struktur Fizikal	148
3.2.3	Objektif PKAYI Daerah Sabak Bernam	149
3.2.4	Struktur Organisasi PKAYI Daerah Sabak Bernam	150
3.2.5	Sumber Kewangan PKAYI Daerah Sabak Bernam	151

3.2.6	Syarat-syarat Kelayakan Untuk Menjadi Penghuni Asrama	153
3.2.7	Kemudahan-kemudahan Yang Disediakan	155
3.2.8	Aktiviti-aktiviti PKAYI Daerah Sabak Bernam	157
3.2.9	Masalah-masalah PKAYI Daerah Sabak Bernam	161
3.3	Aktiviti-aktiviti PEYATIM	164
3.3.1	Aktiviti Tilawah al-Quran, Nasyid, Syarahan, Berzanji dan Deklamasi Sajak	165
a.	Objektif	166
b.	Perlaksanaan	167
3.3.2	Aktiviti Sukan	168
3.3.3	Projek Kebajikan Anak-anak Yatim (KEBATIM)	171
3.3.4	Mesyuarat Agung Tahunan	173
3.3.5	Aktiviti Skim Derma Wakaf Batu-bata	176
3.3.6	Program Kecemerlangan Diri dan Motivasi	178
3.3.7	Aktiviti Lawatan	179
a.	Objektif	180
b.	Tempat-tempat Yang Dilawati	181
3.4	PEYATIM Holding Sdn. Bhd (PHSB)	182
3.4.1	Latar Belakang PHSB	182
3.4.2	Visi PHSB	183
3.4.3	Struktur PHSB	184
3.4.4	Operasi PHSB	185
3.4.5	Kegiatan Utama Syarikat dan Anak Syarikat PHSB	188
a.	PEYATIM Niaga Sdn. Bhd. (PNSB)	188
b.	PEYATIM Industries Sdn. Bhd. (PISB)	194



c. PEYATIM Bestari Sdn. Bhd. (PBSB)	197
d. Hartanah PEYATIM Sdn. Bhd. (HPSB)	202
e. Rantau Harmoni Sdn. Bhd. (RHSB)	203
3.4.6 Perancangan Perniagaan PHSB	205
3.5 Masalah-masalah PEYATIM	210
Kesimpulan	

## **BAB IV**

### **ANALISIS TERHADAP PEYATIM MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN**

Pendahuluan	
4.1 Bentuk-bentuk Pengurusan Kebajikan Anak Yatim di PEYATIM	216
4.1.1 Pengurusan Kebajikan Anak Yatim	216
Kebajikan Anak Yatim Di Dalam al-Quran	223
4.1.2 Pengurusan Pendidikan	226
a. Ayat-ayat Al-Quran Berkaitan Ilmu	229
b. Al-Quran Mengambil Berat Tentang Ilmu	232
4.1.3 Pengurusan Kewangan	240
Ayat-ayat Al-Quran Yang Menggalakkan Infak	243
4.2 Aktiviti-aktiviti PEYATIM	248
4.2.1 Aktiviti Tilawah al-Quran, Nasyid, Syarahan, Berzanji dan Deklamasi Sajak	248
Arahan Supaya Tilawah al-Quran	249
4.2.2 Aktiviti Sukan (Riadah)	252

a.	Anjuran Islam Terhadap Aktiviti Riadah	253
b.	Garis Panduan Dan Syarat Yang Mesti Dijaga Semasa Riadah	255
4.2.3	Aktiviti Lawatan	260
a.	Dalil Al-Quran Yang Menggalakkan Umatnya Mengembara Di Mukabumi	261
b.	Garis Panduan Semasa Lawatan	263
4.2.4	Program Kecemerlangan Diri Dan Motivasi	267
	Kejayaan Menurut Perspektif al-Quran	267
4.2.5	Aktiviti Perniagaan	272
a.	Al-Quran Menggalakkan Perniagaan	273
b.	Konsep Perniagaan Dalam Islam	273
	Kesimpulan	

## **BAB V**

### **KESIMPULAN DAN SARANAN**

Kesimpulan	278
Saranan	283
<b>BIBLIOGRAFI</b>	293
<b>LAMPIRAN</b>	

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Kajian ini adalah berkaitan dengan pengurusan kebajikan anak yatim yang dijalankan oleh Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM). PEYATIM merupakan sebuah badan induk yang menggabungkan pertubuhan dan asrama anak yatim yang berdaftar di Malaysia bagi mempertingkatkan kegiatan masing-masing.

Pemilihan subjek ini adalah berdasarkan perkembangan terkini kegiatan PEYATIM yang menjurus dalam sektor pendidikan dan korporat untuk menjaga kebajikan anak yatim yang mana perkara ini masih belum diketahui secara meluas. Kajian ini juga bertujuan untuk memberi maklumat kepada pihak yang masih belum terdedah dengan PEYATIM. Perbincangan merangkumi latar belakang penubuhan dan perkembangannya, aktiviti-aktiviti yang dianjurkan serta masalah yang dihadapi oleh pihak PEYATIM.

Selain itu penulis juga akan mengkaji berkenaan dengan anak yatim menurut perspektif al-Quran di mana al-Quran amat mengambil berat tentang urusan anak yatim merangkumi galakan untuk mendidik dan memelihara diri, menjaga hartanya serta memberi nafkah kepadanya jika dia tidak memiliki harta. Seterusnya penulis akan menghuraikan tentang hak anak yatim dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh para wali setelah anak yatim kehilangan orang yang menjaga dan memelihara mereka.

## Latar Belakang Masalah Kajian

Dalam zaman yang serba mencabar ini, pengurusan kebajikan anak yatim menjadi lebih kompleks dengan wujudnya berbagai pengaruh yang tidak sihat daripada berbagai sudut. Anak yatim merupakan salah satu individu dalam masyarakat yang perlu diberikan tunjuk ajar yang sewajarnya agar kehidupan mereka akan lebih terjamin dan seimbang pada masa hadapan sama ada dari sudut spiritual, mental dan fizikal. Pengabaian terhadap kebajikan dan pendidikan anak yatim akan membawa masalah dalam masyarakat. Contohnya masalah lepak, penagihan dadah, keruntuhan akhlak dan sebagainya.

Atas rasa simpati terhadap anak yatim dan keinginan yang mendalam inilah mendorong penulis memilih tajuk ini agar dapat mengkaji tentang pengurusan kebajikan anak yatim yang dijalankan oleh PEYATIM. Ini adalah kerana masih terdapat anak yatim yang tidak tahu ke mana hendak disalurkan permasalahan mereka dalam menjalani kehidupan yang penuh dengan kesukaran dan keperitan yang terpaksa mereka lalui. Selain daripada itu, penulis berharap dengan kajian ini akan membuka satu harapan baru kepada anak yatim di Malaysia untuk turut sama mengambil manfaat daripada segala aktiviti yang dijalankan oleh PEYATIM.

Penulis juga berharap agar kajian ini dapat membuka mata masyarakat dan PEYATIM khususnya untuk memberikan penekanan yang lebih dalam aspek pembinaan sahsiah anak yatim. Ini adalah untuk menjamin agar amalan mereka

dalam menjaga kebajikan anak yatim adalah menurut kehendak al-Quran dan mendapat keredaan Allah s.w.t.

### **Kenyataan Tentang Masalah Kajian**

Daripada huraian di atas dapatlah dirumuskan tentang persoalan pokok kepada kajian ini adalah :

1. Bagaimanakan Islam melindungi anak yatim?
2. Apakah program yang telah dijalankan oleh PEYATIM dalam usahanya untuk menjaga kebajikan anak yatim?
3. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh PEYATIM?
4. Sejauhmanakah pengurusan kebajikan anak yatim di PEYATIM menepati kehendak al-Quran?

### **Objektif Kajian**

Penulis memilih dan membuat kajian mengenai tajuk ini berdasarkan kepada beberapa objektif berikut :

1. Untuk memperkenalkan kepada umum tentang pengurusan kebajikan anak yatim yang dijalankan oleh PEYATIM dan Ahli Gabungannya.
2. Untuk mengupas secara terperinci pandangan al-Quran terhadap anak yatim dan juga pengurusan kebajikan anak yatim yang telah digariskan

oleh al-Quran dengan berpandukan kepada tafsiran al-Quran yang muktabar.

3. Untuk menjelaskan perkara penting yang menjadi dasar kepada pengurusan kebajikan anak yatim oleh PEYATIM dengan menyingkap latar belakang penubuhan PEYATIM, perkembangan dan struktur organisasinya, seterusnya mengetahui dengan terperinci aktiviti-aktiviti PEYATIM yang menjadi kegiatan tahunannya sehinggalah kepada masalah yang dihadapi oleh PEYATIM dalam menguruskan kebajikan anak yatim.
4. Untuk melihat dengan lebih dekat pengurusan kebajikan anak yatim menurut perspektif al-Quran . Kajian ini juga adalah sebagai satu usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada penghayatan isi kandungan al-Quran terutamanya perkara yang berkaitan dengan pembelaan al-Quran terhadap hak-hak anak yatim.

### **Hipotesis Kajian**

Beberapa hipotesis telah dibentuk untuk menjadi landasan kajian, antaranya ialah :

1. PEYATIM mempunyai masa hadapan yang baik dalam menjalankan pengurusan kebajikan anak yatim di Malaysia berdasarkan kepada penambahan ahlinya setiap tahun.

2. PEYATIM merupakan sebuah organisasi yang menguruskan asrama-asrama anak yatim Islam yang terdapat di Malaysia, mencari sumber kewangan dan mengutamakan pendidikan kepada anak yatim.
3. Masih terdapat kekurangan dalam pengurusan PEYATIM untuk memastikan anak yatim yang tinggal di asrama Ahli Gabungannya memiliki keseimbangan akhlak sepertimana yang digariskan di dalam al-Quran.

### **Kepentingan Kajian**

Penulis memilih tajuk ini berdasarkan beberapa kepentingan iaitu:

1. Sebagai satu langkah untuk mengembalikan umat Islam kepada ajaran al-Quran. Ianya dapat dilakukan dengan mengkaji ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan sesuatu tajuk. Ini penting bagi memandu masyarakat dalam menangani sesuatu isu.
2. Kajian ini akan menjadi sumber rujukan khususnya kepada pihak yang menguruskan anak yatim agar dapat menilai keberkesanan institusi masing-masing pada masa akan datang agar matlamat dan objektif mereka terus jelas.

3. Mengengahkan model pertubuhan kebajikan anak yatim dalam konteks Malaysia bagi melahirkan generasi anak yatim yang beriman, berilmu dan beramal dengan ilmu yang dimilikinya.
4. Satu pengkajian dalam memberi sumbangan kepada perkembangan budaya al-Quran dalam masyarakat Islam di Malaysia. Dalam konteks ini, penekanan akan diberikan kepada kebajikan anak yatim menurut perspektif al-Quran.

### **Skop Kajian**

Kajian ini adalah tertumpu kepada tiga skop iaitu:

1. Kedudukan anak yatim dalam Islam yang akan membicarakan tentang kedudukan anak yatim pada zaman Jahiliah dan kedudukan anak yatim dalam Islam. Seterusnya penulis akan menghuraikan ayat-ayat yang berkaitan dengan pengurusan anak yatim di dalam al-Quran.
2. Pengurusan kebajikan anak yatim di PEYATIM. Penulis akan menghuraikan dengan terperinci mengenai latar belakang PEYATIM, struktur organisasinya, aktiviti-aktiviti tahunannya dan masalah yang dihadapi oleh PEYATIM dan Ahli Gabungannya serta PEYATIM Holding dan anak syarikatnya dalam menjaga kebajikan anak yatim.



3. Perkara-perkara pokok yang ditekankan oleh al-Quran dalam menguruskan anak yatim sama ada dari sudut pengurusan harta anak yatim, pendidikan anak yatim, cara bermuamalah dengan mereka dan arahan supaya berlaku ihsan terhadap mereka.

### Huraian Istilah

Tajuk disertasi ini ialah "Pengurusan Kebajikan Anak Yatim di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) : Kajian Menurut Perspektif al-Quran." Sebelum menghuraikan pengertian tajuk di atas, terlebih dahulu penulis akan menghuraikan istilah-istilah yang terkandung di dalam tajuk tersebut.

"Pengurusan" adalah satu proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal daya usaha anggota-anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain organisasi bagi mencapai matlamat-matlamat organisasi yang telah ditetapkan.<sup>1</sup>

Mengikut Kamus Dewan, perkataan pengurusan memberi maksud perihal mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan dan lain-lain).<sup>2</sup>

Daripada definisi di atas dapatlah disimpulkan bahawa pengurusan adalah satu kemahiran dalam perancangan dan pelaksanaan yang melibatkan proses kerja dan kepimpinan untuk mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan.

---

<sup>1</sup> James A.F Stoner et.al (1997), *Pengurusan*, c. 3, Yaacob Ibrahim (terj.), Kuala Lumpur : Amiza Publishing, h. 4

<sup>2</sup> Hajah Norezah binti Baharum et. al (2000), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, h. 1529

“Kebajikan” bermaksud sesuatu yang membawa kebaikan, perbuatan baik, kebaikan : berbuat baik kepada orang.<sup>3</sup>

“Anak Yatim” ialah anak yang kematian bapa manakala dalam istilah Arab disebut *al-'Ajīyy* bagi anak yang kematian ibu sekiranya kematian ibu dan bapa pula dinamakan *al-Laṭīm*.<sup>4</sup>

“PEYATIM” ialah nama penuh bagi Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia. PEYATIM beroperasi di Wisma PEYATIM Taman Nirwana, Ampang, Selangor Darul Ehsan. Wisma ini menempatkan pejabat PEYATIM dan juga asrama penginapan untuk disewa kepada orang ramai yang ingin bermalam di Kuala Lumpur. Kedudukannya berhampiran dengan Kuala Lumpur. Untuk sampai ke pejabat PEYATIM seseorang itu boleh menggunakan kenderaan persendirian, perkhidmatan teksi, STAR LRT ataupun bas Intrakota 25C. Penulis akan menggunakan singkatan perkataan PEYATIM sepanjang penulisan disertasi ini sebagai penyelarasan dari awal hingga akhir.

“Kajian” pula bermaksud kegiatan atau usaha menyelidik dan meneliti dengan mendalam serta terperinci supaya dapat diketahui dan dibuat keputusan.<sup>5</sup>

Para ulama mempunyai banyak pandangan berhubung dengan perkataan “al-Quran” dari sudut bahasa ada ulama yang berpendapat bahawa ianya

---

<sup>3</sup> *Ibid*, h. 91

<sup>4</sup> Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukarram al-Anṣārī (t.t), *Lisān al-'Arab*, j.6, Kaheerah: Dār al-Ma'ārif, h.4949 (selepas ini Ibn Manẓūr)

<sup>5</sup> Hajah Noresah binti Baharum *et. al* (2000), *op. cit.*, h. 560

*mahmūz* (wujud hamzah di atas huruf alif) dan ada pula yang mengatakan ianya tidak *mahmūz*.<sup>6</sup>

*Qara'a* dari sudut bahasa bermaksud mengumpulkan dan memasukkan. *al-Qirā'ah* bererti mengumpulkan huruf dan perkataan antara satu sama lain dalam bacaan. *al-Quran* pada asalnya seperti *qirā'ah* iaitu kata nama terbitan (*maṣdar*) *qara'a - qirā'ah - Qur'ān*.<sup>7</sup>

Firman Allah s.w.t.:

إِنَّا عَلَيْنَا جَمَعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿٧٧﴾ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿٧٨﴾

*Maksudnya* : Sesungguhnya Kami lah yang berkuasa mengumpulkan *al-Quran* itu (di dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaan itu.

Surah al-Qiyāmah (75) : 17-18

*Al-Quran* juga bermaksud perkongsian lafaz yang merujuk kepada keseluruhan *al-Quran*. Contohnya apabila seseorang mendengar orang lain membaca satu ayat daripada ayat-ayat yang terdapat di dalam *al-Quran*, maka orang itu telah dikatakan bahawa dia membaca *al-Quran*.<sup>8</sup>

<sup>6</sup> Dr. Muḥammad Ibrāhīm al-Syāfi'ī (1989), *Baṣā'ir al-Jinān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c.2, Kaerah : Matba'ah Wahbah Hassan, h. 12

<sup>7</sup> Mannā' al-Qaṭṭān (1981), *Mabāḥiṭh fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Riyadh : Maktabah al'Ma'ārif, h. 20

<sup>8</sup> *Ibid*

Firman Allah s.w.t. :

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٧٤﴾

*Maksudnya : Dan apabila al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat*

Surah al-A'rāf (7) : 204

Di antara ulama yang mengatakan bahawa al-Quran itu tidak *mahmūz* dan tidak mempunyai kata asal ialah al-Syāfi'i, beliau berpendapat bahawa lafaz al-Quran adalah perkataan asli tidak terbentuk daripada mana-mana kata asal dan tidak juga *mahmūz* bahkan ianya dicipta menjadi nama khas bagi wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Menurutnya lagi perkataan al-Quran tidak diambil daripada kata (قرأ) kerana jika ianya diambil daripada perkataan itu, nescaya semua benda yang dibaca boleh dinamakan al-Quran. Akan tetapi ianya dicipta khas untuk kitab suci al-Quran seperti Taurat, Injil dan Zabur.<sup>9</sup>

Abū Ishāq al-Nahwī pula berkata : “Dinamakan kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muḥammad sebagai sebuah kitab yang dibaca dan yang membezakan antara yang hak dengan yang batil. al-Quran bermakna

<sup>9</sup> Aḥmad Ḥasan al-Bāqurī (1986), *al-Qur'ān Ma'dabah Allāh li al-Ālamīn*, Kaherah : Maktabah al-Ahrām, h. 18, Lihat juga Dr. Muhammad Ibrāhīm al-Syāfi'i, *op. cit.*, h. 12

mengumpulkan kerana ia mengumpulkan surah-surah yang terdapat di dalam al-Quran.<sup>10</sup>

Menurut al-Asy'ārī pula perkataan al-Quran itu berasal daripada perkataan (قرون الشيء بالشيء) iaitu “Menggabungkan sesuatu dengan suatu yang lain”. Ini adalah memandangkan surah-surah ayat-ayat dalam al-Quran itu beriringan dan bergabung antara satu dengan yang lain.<sup>11</sup> Juga ianya dihimpun serta digabungkan di dalam satu mashaf.

Manakala pendapat yang mengatakan perkataan al-Quran itu mempunyai hamzah (*mahmūz*) ialah al-Zajjāj<sup>12</sup> di mana beliau berpendapat bahawa lafaz al-Quran *mahmūz* atas wazan *fu'lān* (فعلان) dan diambil daripada perkataan القراء bermakna (الجمع) mengumpulkan.

Misalnya dalam Bahasa Arab (قوات الماء في الحوض) bermaksud “Saya mengumpulkan air di dalam kolam.” Ertinya “Saya menghimpunkannya.” Dinamakan al-Quran dengan perkataan ini kerana ianya menghimpunkan segala intisari kitab yang terdahulu.<sup>13</sup>

<sup>10</sup> Ibn Manzūr (t.t), *op. cit.*, jil. 1, hlm 128

<sup>11</sup> Subḥi al-Sāliḥ (1988), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 17, Beirut, Dār al-'Ilm li al-Malayīn h.18-19. Lihat juga Badr al-Dīn Muhammad bin 'Abd Allāh al-Zarkasyī (1988), *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j.1, Beirut : Dār al-Kūtib al-'Ilmiyyah, h.349

<sup>12</sup> al-Zajjāj ialah Ibrāhīm bin al-Sāri bergelar Abu Ishāq. Beliau merupakan pengarang kitab Ma'āni al-Qur'ān. Meninggal dunia pada tahun 311H. ( Subḥi al-Sāliḥ (1988), *op. cit.*, h. 19)

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 19

al-Liḥyānī<sup>14</sup> pula berpendapat bahawa perkataan al-Quran *mahmūz* berwazan *al-Ghufrān* diambil dari kata kerja *qara'a* bererti membaca. Dinamakan *maqrū'* iaitu yang dibaca dengan lafaz itu iaitu atas kaedah menamakan *Maf'ūl* (perkara kena buat) dengan *maṣḍar*.<sup>15</sup>

Meneliti kepada pendapat di atas penulis membuat kesimpulan bahawa pendapat yang akhir ini adalah yang paling kuat kerana lafaz al-Quran dari segi bahasa ialah kata *maṣḍar* yang seerti dengan perkataan *al-Qirā'ah* (bacaan).<sup>16</sup> Perkataan al-Quran itu adalah *maṣḍar* dan mempunyai hamzah. Apabila huruf hamzah itu dibuang, ia adalah untuk meringankan.<sup>17</sup>

Manakala dari sudut istilah pula al-Quran adalah satu nama yang diberikan kepada Kalam Allah s.w.t. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dengan perantaraan Malaikat Jibrīl a.s., ia bersifat *mu'jiz*<sup>18</sup>, ditulis di dalam mashaf daripada awal surah al-Fātiḥah hingga akhir surah al-Nās, dipindahkan secara mutawatir,<sup>19</sup> membacanya adalah ibadah.

<sup>14</sup> al-Liḥyānī ialah Abū Hasan 'Alī bin Ḥāzim. Beliau merupakan seorang tokoh bahasa yang terkenal dan meninggal dunia pada tahun 215H. (*Ibid*)

<sup>15</sup> Dr. Ibrāhīm al-Syāfi'ī (1989), *op. cit.*, h. 14, Lihat juga Ṣubḥī al-Ṣāliḥ (1988), *op. cit.*, h. 19

<sup>16</sup> 'Abd Allāh al-Mahdī al-Badrī (1984), *al-Qurān al-Karīm Tārīkhuhu wa 'Ulūmuhu*, Dubai : Dār al-Qalam, h. 9

<sup>17</sup> Muḥammad Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1988), *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j.1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 16

<sup>18</sup> *Mu'jiz* (yang melemahkan) yakni tiada sesiapa pun mampu untuk mencipta atau meniru sesuatu ayat menyamai al-Quran dari segi gaya bahasa atau kandungannya, apatah lagi untuk menandingi atau melebihinya. *i'jāz* al-Quran nyata mencabar orang-orang Arab. Walaupun mereka mempunyai *faṣāḥah* dan *balāghah*, tetapi mereka sangat lemah untuk mendatangkan walaupun satu surah yang pendek. Lihat : Husin Ḥāmid Hasan (1972), *al-Madkhal li Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah : Dār al-Nahḍah al-Islāmiyyah, h. 139

<sup>19</sup> Mutawatir *bermaksud* al-Quran dipindahkan daripada satu generasi ke satu generasi, diturunkan secara *qaṭ'i* dengan riwayat yang benar tanpa berlaku perselisihan di kalangan umat Islam sama ada segi bacaan atau penulisannya. Oleh kerana al-Quran ini ditulis pada zaman Nabi s.a.w.,

## Sistematika Penulisan

Kajian ini dimulakan dengan bab pendahuluan disusuli dengan lima bab berikutnya meliputi:

(Bab I) mengandungi huraian tentang definisi anak secara umum, definisi anak yatim, anak yatim dalam Islam, anak yatim di dalam al-Quran dan al-Ḥadīth, penentuan umur yatim, perbezaan antara anak yatim dan bukan yatim serta pembentangan ayat al-Quran yang menggunakan lafaz yatim.

(Bab II) menerangkan tentang pengurusan anak yatim di dalam al-Quran dengan memberikan huraian terhadap ayat-ayat yang berkaitan dengan pengurusan anak yatim serta hukum-hukum yang terkandung di dalamnya.

(Bab III) menghuraikan dengan terperinci mengenai PEYATIM merangkumi matlamat penubuhan PEYATIM, struktur organisasinya, tugas-tugas dan biro-biro yang dipertanggungjawabkan untuk merancang aktiviti-aktiviti tahunan PEYATIM. Begitu juga dihuraikan tentang PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (PHSB) dan anak-anak syarikatnya yang berusaha untuk menjana kewangan bagi membantu PEYATIM menjalankan segala perancangannya.

---

dihafaz oleh majoriti para sahabat, maka tidak mungkin berlaku pendustaan, penyelewengan, penambahan, pengurangan dan penukaran ayat-ayat. Lihat : 'Alī Ḥasan 'Abd al-Qādir (1965), *Naẓrah 'Āmmah*, Kaheerah : Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, h. 138

(Bab IV) merupakan analisa terhadap PEYATIM menurut perspektif al-Quran. Ini termasuklah analisa terhadap pengurusan PEYATIM melalui segala aktiviti yang telah dianjurkan dalam menjaga kebajikan anak yatim.

(Bab V) pula mengandungi kesimpulan, cadangan dan saranan penulis kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi usaha murni untuk menguruskan kebajikan anak yatim di Malaysia.

### **Ulasan Penulisan**

Setakat pengetahuan dan kajian penulis, belum ada kajian seumpama ini yang telah dilakukan oleh mana-mana pihak. Walaupun penulis menemui beberapa kajian ilmiah yang mengkaji tentang anak yatim, namun begitu kajian hanya menumpukan kepada kebajikan anak yatim itu sendiri seperti latihan ilmiah yang bertajuk "Penyantunan Terhadap Anak-anak Yatim : Suatu Kajian Ilmiah di Kalangan Masyarakat Islam Seremban" oleh Nasimah Badaruddin,<sup>20</sup> dan juga latihan ilmiah yang bertajuk "Pembelaan Anak-anak Yatim : Amalannya di Kalangan Masyarakat Islam : Suatu Kajian di Daerah Klang, Selangor" oleh Norhana Haji Tamsir.<sup>21</sup>

Selain itu terdapat kajian yang menjurus kepada institusi yang mengendalikan kebajikan anak yatim iaitu "Rumah Budi Yan : Peranan dan

---

<sup>20</sup> Nasimah Badaruddin (1993), "Penyantunan Terhadap Anak-anak Yatim: Suatu Kajian Ilmiah di Kalangan Masyarakat Islam Seremban" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>21</sup> Norhana Haji Tamsir (1989), "Pembelaan Anak-anak Yatim : Amalannya di Kalangan Masyarakat Islam : Suatu Kajian di Daerah Klang, Selangor", (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).



Sumbangannya kepada anak-anak Yatim Kedah” oleh Hafizah Haji Othman dan juga “Rumah Bakti Hulu Klang : Pentadbiran dan Peranannya dalam Usaha Membela Anak Yatim” oleh Rais Haji Ahmat.

Kajian yang akan dijalankan oleh penulis adalah kajian lapangan dan kajian perpustakaan yang bersifat menggabungkan antara pengurusan kebajikan anak yatim di PEYATIM dan pengurusan kebajikan anak yatim menurut perspektif al-Quran. Hasil daripada kajian ini akan menjelaskan tentang realiti yang wujud pada hari ini dengan apa yang sepatutnya diberi penekanan menurut tuntutan al-Quran.

### **Metodologi Penyelidikan**

Di dalam mengumpulkan data dan fakta terhadap penulisan disertasi ini, penulis telah menggunakan beberapa metode penyelidikan . Metode-metode tersebut ialah:

#### **1. Metode Penentuan Subjek**

Dalam menjalankan penyelidikan dan kajian ini penulis telah menggunakan metode ini iaitu mengambil satu sampel daripada pertubuhan kebajikan anak yatim.

#### **2. Metode Pengumpulan Data**

Dalam usaha mengumpulkan data dan fakta, penulis telah menggunakan metode-metode berikut:

#### a. Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan ini dilakukan oleh penulis di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan al-Quran dan al-Hadith Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia. Di dalam penyelidikan ini juga, penulis telah menggunakan metode historis dan metode dokumentasi. Bahan-bahan yang diperolehi adalah mengenai latar belakang masalah, pengertian tajuk dan, perbincangan tentang anak yatim di dalam al-Quran, al-Sunnah dan pandangan ulama tentang masalah ini.

#### b. Penyelidikan Lapangan

Di dalam penyelidikan lapangan penulis telah menggunakan beberapa metode tertentu. Metode-metode tersebut ialah metode observersi dan metode wawancara. Metode ini digunakan oleh penulis dalam melakukan penyelidikan secara langsung di tempat kajian ini dibuat. Bahan-bahan yang diperolehi melalui metode ini digunakan dalam menyediakan laporan penyelidikan dan penganalisan data di dalam bab empat.

### 3. Metode Penganalisan Data

Di dalam memproses dan menganalisa data penulis telah menggunakan metode-metode berikut :

a. Metode Induktif digunakan untuk menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada perkara-perkara yang bersifat umum. Pendekatan ini diambil oleh penulis untuk menerangkan tentang kesimpulan.

b. Metode Deduktif

Pendekatan ini digunakan oleh penulis untuk menganalisa dan melakukan kajian berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian berdasarkan dalil-dalil terhadap hal-hal yang khusus.

c. Metode Komparatif

Iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi.